



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### KEMENTERIAN PENGANGKUTAN TIDAK MENETAPKAN HAD UMUR MAKSIMA KEPADA PEMANDU E-HAILING, OPERATOR DINASIHATKAN MENILAI SEMULA SYARAT DALAMAN

Merujuk kepada laporan berita yang diterbitkan di portal The Star pada 29 April 2021 bertajuk, '*Grab Aunty*' let go due to age, appeals for the chance to continue earning a living' menerusi pautan <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/04/29/039grab-aunty039-let-go-due-to-age-appeals-for-the-chance-to-continue-earning-a-living>, saya ingin menjelaskan bahawa :-

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tiada menetapkan sebarang syarat atau peraturan berkaitan had umur maksima kepada mana-mana individu yang ingin memegang sesuatu Lesen Vokasional untuk bekerja sebagai pemandu suatu kenderaan perkhidmatan awam (Lesen PSV) termasuk kenderaan e-hailing, atau kenderaan barangan (Lesen GDL). Mana-mana individu boleh terus memegang atau memperbaharui Lesen Vokasional mereka, selagi mana individu tersebut mematuhi semua syarat lain yang ditetapkan termasuk mengemukakan laporan perubatan yang mengesahkan mereka adalah sihat dan berupaya melaksanakan fungsi pemanduan dengan selamat.
2. Penetapan had umur maksima oleh pihak Grab seperti dilaporkan adalah merupakan suatu ketetapan atau syarat dalaman untuk mendaftarkan mana-mana individu sebagai pemandu e-hailing dengan pihak Grab.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Mengambil kira isu kesukaran hidup yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat akibat pandemik COVID-19 ini, maka saya berharap operator-operator perkhidmatan e-hailing di seluruh negara termasuk Grab dari masa ke semasa, dapat menilai semula syarat-syarat dalaman yang mereka tetapkan kepada pemandu e-hailing, termasuk yang berkaitan dengan had umur maksima ini. Perkara ini bertujuan membantu semua yang terlibat untuk dapat meneruskan kelangsungan kehidupan mereka dengan bekerja sebagai pemandu e-hailing.

Dalam masa sama, para pemandu e-hailing juga perlulah sentiasa bertanggungjawab dengan memastikan tahap kesihatan diri mereka adalah dalam keadaan yang baik pada setiap masa. Tahap kesihatan diri seorang pemandu e-hailing itu amatlah penting bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah sentiasa selamat terutamanya kepada penumpang dan pengguna jalan raya yang lain.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**30 APRIL 2021**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

